

13/12/1999

PM, Dr Koh bincang hasrat MCA

KLANG, Ahad - Isu pelantikan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang dijangka selesai apabila Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu depan.

Perdana Menteri berkata, Dr Koh akan menemuinya bagi membincangkan permintaan MCA supaya diberi lebih banyak jawatan exco dalam pentadbiran kerajaan negeri Pulau Pinang termasuk jawatan Timbalan Ketua Menteri kedua.

Dalam sidang akhbar selepas melawat kapal kontena terbesar dunia Clifford Maersk di Pelabuhan Barat di sini, petang ini, Dr Mahathir berkata, isu itu dijangka dapat diselesaikan selepas pertemuannya dengan Dr Koh.

"Penyelesaian akan ada tidak lama lagi, sabarlah sikit," katanya mengulas laporan sebuah akhbar tempatan hari ini yang memetik sumber sebagai berkata bahawa MCA bercadang menarik diri daripada pentadbiran kerajaan negeri yang diketuai Gerakan, jika parti itu tidak diberi lebih banyak jawatan Exco.

Presiden MCA merangkap Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dilaporkan akan mengadakan mesyuarat tergepar dengan beberapa pemimpin parti untuk membincangkan cadangan penarikan diri itu.

Dr Ling yang mengiringi Dr Mahathir dalam lawatan itu, bagaimanapun enggan mengulas sebarang pertanyaan pemberita berhubung isu berkenaan.

Di GEORGETOWN, Dr Ling berkata, beliau sudah mendengar luahan perasaan ahli dan penyokong MCA dalam perbincangan yang diadakan hari ini.

"Saya sudah mengambil segala butiran perbincangan dalam pertemuan ini dan akan membawanya ke mesyuarat majlis tertinggi yang akan diadakan esok," katanya selepas pertemuan dengan ahli MCA Pulau Pinang.

Dalam perbincangan hampir sejam itu, Dr Ling berkata, ahli MCA meluahkan perasan kecewa dan tidak puas hati berikutan beberapa perkara yang berlaku selepas pilihan raya lalu.

Bagaimanapun, Dr Ling enggan mengulas ketika ditanya mengenai beberapa isu berhubung parti itu termasuk pelantikan Timbalan Ketua Menteri, Exco dan hubungan MCA dengan Gerakan.

Dr Ling merayu semua ahli MCA negeri mengekalkan perpaduan dan disiplin bagi memastikan semangat BN sentiasa terjalin antara komponen parti.

"Memanglah saya tidak nafikan dalam hubungan suami isteri juga ada masalah. Begitu juga dalam komponen parti dan ia bukan perkara luar biasa, tetapi kematangan akan mengatasi segalanya," katanya.

Sementara itu, Pengerusi MCA Pulau Pinang, Datuk Dr Sak Cheng Lum berkata, pihaknya menyerahkan kepada pucuk pimpinan tertinggi BN sama ada untuk melantik Timbalan Ketua Menteri dari parti itu.

Beliau bagaimanapun menolak anggapan kononnya berlaku krisis dalam komponen BN khususnya membabitkan MCA dan Gerakan berikutan isu jawatan Timbalan Ketua Menteri.

Mengikut tradisi, jawatan itu disandang wakil Umno dan sebelum pilihan raya umum 29 November lalu, kerusi itu dipegang Datuk Seri Shariff Omar.

Dr Koh ketika ditemui selepas mengadakan lawatan serta mengucapkan terima kasih kepada pengundi kawasan Dewan Undangan Negeri Tanjung Bungah, hari ini pula berkata, beliau menyerahkan keputusan mengenai pelantikan Timbalan Ketua Menteri daripada MCA kepada pucuk pimpinan tertinggi BN.

"Perkara itu tidak lagi berada dalam tangan saya dan saya tidak mempunyai peluang untuk berbincang dalam komponen parti BN negeri tetapi

sudah dirujuk ke peringkat tertinggi.

"Pemimpin MCA negeri tidak hubungi saya sebagai Pengerusi BN negeri untuk membincangkan isu berkenaan," katanya.

Dr Koh berkata, beliau hanya berbincang secara ringkas dengan Dr Sak pada majlis angkat sumpah jawatan Ketua Menteri di kediaman Yang Dipertua Negeri (TYT), baru-baru ini.

"Dr Sak menjelaskan kepada saya mengenai adanya desakan yang kuat mengenai tuntutan itu di peringkat akar umbi serta di kalangan ahli MCA," katanya.

Mengenai barisan Exco Negeri, Dr Koh berkata, perkara itu akan diputuskan beberapa hari lagi.

Difahamkan isu mengenai tuntutan jawatan Timbalan Ketua Menteri kedua oleh MCA dibuat berikutan kemenangan 100 peratus calon parti itu dalam dua pilihan raya 1995 dan 1999.

(END)